

**FAKTOR-FAKTOR KEGAGALAN HENTIAN DUTA BEROPERASI  
SEBAGAI TERMINAL UTAMA PERJALANAN BAS EKSPRES SEKTOR  
UTARA**

**ROZAIDI B. MAHAT**

**Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**NOVEMBER 2005**

## **ABSTRAK**

Terminal pengangkutan awam merupakan sebahagian elemen sistem pengangkutan bandar yang tidak dinafikan kepentingan kewujudannya. Sebagai tempat tumpuan perkhidmatan pengangkutan awam dan pengguna, tanggungjawab untuk menguruskan kedua sumber utama ini di samping pelbagai elemen yang lain menuntut keperluan aspek perancangan dalam memastikan kelancaran dan kelincinan di peringkat pembangunan dan pengoperasiannya. Proses perancangan menitikberatkan perletakan lokasi sesebuah terminal di dalam kawasan bandar. Ini kerana perletakan terminal yang kurang sesuai berpotensi mengundang pelbagai permasalahan terutamanya kesesakan lalulintas dan penurunan kualiti visual bandar.

Kegagalan sesebuah terminal untuk beroperasi seperti yang dirancang mempunyai pelbagai sebab untuk dikemukakan dengan semuanya akan menjurus kepada proses perancangan terminal itu sendiri. Pelbagai faktor boleh menyumbang kepada kegagalan sesebuah terminal seperti kelemahan di dalam proses perancangan, lokasi yang tidak sesuai, keengganan pengusaha dan pengguna untuk menggunakan terminal, campur tangan politik dan lain-lain. Kesemua faktor-faktor ini berpotensi memberi masalah sekiranya ia diabaikan dan tidak diberi pertimbangan di dalam proses pembangunan terminal. Kegagalan terminal bukan sahaja berkait dengan masalah kesesakan bandar tetapi juga melibatkan masalah pembaziran dari segi kos, guna tanah dan sebagainya. Selain itu kegagalannya juga mampu menjelaskan kredibiliti bidang perancangan itu sendiri yang gagal dalam mengurus perancangan sesebuah terminal. Untuk itu adalah penting untuk meminimakan risiko berlakunya kegagalan terminal pengangkutan untuk beroperasi seperti yang dirancang.

## **ABSTRACT**

Terminal station or public transport terminal is a part of very important element in a city. It is a place where the public can get transport to move from one place to another. So, the planning should be perfect in order to fulfill the demand of public and also to ensure the smoothness of public transportation system. The emphasis should be given to the location chosen in which it may cause traffic jammed and also it may lessen the visual quality if terminal is located in unsuitable location.

The failure of the terminal to be operated may cause by several reasons and all of these are refer back to the planning itself. The factors that leads to the failure of the terminal are improper planning, unsuitable location, bus company refuse to move to a new place, political issues and so on. All of these factors may cause to the failure of terminal operation if there is no action is taken. As a result of this failure, it will leads to the problem of traffic jammed in town area, wasting money and also misused of land. Besides, the failure shows the weakness of planning aspect in which it may destruct the credibility of planning itself. So, it is important to minimize the risk of terminal failure.